

Headline	Bengkel tingkatkan kesedaran paten bioteknologi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,202
Page No	A12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	728 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh SAIRULZAMRI MISRANI	AdValue	RM 18,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,679



# Bengkel tingkatkan kesedaran paten bioteknologi

Oleh SAIRULZAMRI MISRANI

**P**ADA tahun 2005 kerajaan telah menggariskan pelaksanaan fasa pertama Dasar Bioteknologi Negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagai usaha untuk menerokai industri bioteknologi yang dilihat berpotensi menjana kekayaan dan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Bukan itu sahaja, industri tersebut turut menyumbang sebanyak lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang tahun 2020. Ini termasuklah membuka pelaburan baharu dan mewujudkan peluang pekerjaan di samping memberikan manfaat daripada segi sosial serta alam sekitar.

Justeru, menyedari akan kepentingan industri bioteknologi kepada negara, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Negara (WIPO) dan Pejabat Paten dan Cap Dagangan Jerman (DPMA) mengambil inisiatif menganjurkan WIPO-DPMA-MyIPO Advanced Training Course on Patern Search and Examination in the Field of Biotechnology bermula pada 19 hingga 23 Oktober lalu.

Bengkel yang dijalankan di Akademi Harta Intelek MyIPO, Menara UOA, Bangsar, Kuala Lumpur itu bertujuan untuk meningkatkan sistem harta intelek seperti perlindungan, pentadbiran

dan penguatkuasaan selaras dengan piawaian peringkat antarabangsa.

Pada masa sama, ia bertujuan mening-

katkan kemahiran pemeriksaan paten dan kaedah penyelarasan dalam bidang bioteknologi.

Bioteknologi merujuk kepada teknologi biologi termasuk kegiatan atau kajian yang menggunakan mikro organisma, sistem biologi atau proses biologi dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan untuk menghasilkan produk seperti antibiotik, vaksin, keju dan sebagainya.

Seramai 16 pemeriksa paten dari 11 negara membangun seperti Belarus, Columbia, Cuba, Mesir, Kenya, Syria, Arab Saudi, Thailand, Indonesia, Zimbabwe termasuklah Malaysia mengambil bahagian dalam bengkel tersebut.

Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah, bengkel itu merupakan medium untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga hak paten dan meningkatkan kemahiran teknikal serta pengetahuan dalam sektor bioteknologi secara berterusan.

“Secara tidak langsung ia memberi peluang kepada peserta bengkel bertukar pandangan, pengetahuan, idea dan pengalaman berhubung carian serta pemeriksaan bioteknologi.

“Bengkel ini juga membantu menyatukan negara-negara ahli WIPO ke arah sistem ekonomi dan perdagangan global seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta membantu mengurangkan kadar kemiskinan di rantau ini,” jelasnya ketika majlis perasmian bengkel WIPO-DPMA-MyIPO Advanced Training Course on Patern Search and Examination in the Field of Biotechnology pada 19 Oktober 2015.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNKK, Datuk Basaruddin Sadali, Ketua Pengarah MyIPO, Shamsiah Kamaruddin dan wakil WIPO, Tshimanga Kongolo.

Sementara itu, Shamsiah memberitahu, jumlah paten bagi produk yang direkodkan di negara ini meningkat

enam peratus setiap tahun.

“Pada tahun 2013, sebanyak 7,350 paten telah didaftarkan dan jumlah ini meningkat kepada 7,760 paten untuk tahun yang seterusnya.

“Daripada jumlah tersebut 417 atau 5.3 peratus merupakan paten dalam bidang bioteknologi,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, MyIPO telah menubuhkan Pusat Sokongan Teknologi dan Inovasi (TISC) Malaysia dengan kerjasama pusat penyelidikan dan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tempatan.

Setakat ini, TICS Malaysia yang mendapat sokongan WIPO menerima penglibatan daripada tiga buah universiti awam (UA) seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Pahang serta Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

## Maklumat Lanjut MyIPO

### Alamat:

Unit 1-7, Aras Bawah, Menara UOA  
Bangsar, No 5, Jalan Bangsar Utama 1,  
59000 Kuala Lumpur

Tel : 03-2299 8400/03-2299 2323

Web : www.myipo.gov.my

E-mel : ipmalaysia@myipo.gov.my




SHAMSIAH



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA  
(Agensi di bawah KPDNKK)

Headline	Bengkel tingkatkan kesedaran paten bioteknologi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,202
Page No	A12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	728 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh SAIRULZAMRI MISRANI	AdValue	RM 18,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,679



INDUSTRI bioteknologi membantu menjana ekonomi negara. – Gambar hiasan



AHMAD BASHAH (belakang, enam dari kanan) bergambar bersama peserta bengkel anjuran bersama pihak MyIPO, WIPO DPMA di Akademi Harta Intelek, Menara UOA, Bangsar, Kuala Lumpur pada 19 Oktober lalu. Turut kelihatan Basaruddin (belakang, lima dari kanan) dan Shamsiah (belakang, empat dari kiri).



ANTARA produk yang telah mendaftarkan hak paten di ruang pameran sempena penganjuran bengkel berhubung paten bioteknologi.